

23) KELAYAKAN MENYEWA RUMAH PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) TIDAK DIPATUHI

Adun : Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali (Hulu Kelang)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Hanya 42.3% sahaja daripada keseluruhan penyewa PPR dipastikan memenuhi syarat kelayakan. Sebanyak 176 penyewa PPR Serendah, PPR Kota Damansara dan PPR Kampong Baru HICOM mempunyai pendapatan melebihi RM3,000 sebulan. Apakah tindakan PHSSB dan LPHS?**

Untuk makluman Yang Berhormat, seramai 176 penyewa PPR Serendah, PPR Kota Damansara dan PPR Kampong Baru HICOM yang dikenalpasti mempunyai pendapatan melebihi RM3,000 sebulan daripada syarat yang dibenarkan untuk penyewaan PPR. Pada ketika itu penawaran dibuat, kelayakan penyewa telah memenuhi syarat yang ditetapkan semasa sesi temuduga yang dijalankan oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB). Keadaan ini berlaku disebabkan kerana tempoh sewaan berlalu beberapa tahun turut mempengaruhi peningkatan pendapatan penyewa dari tahun ke tahun sehingga melebihi syarat pendapatan yang ditetapkan.

Berikutan itu, PHSSB telah mengeluarkan notis makluman kepada penyewa berhubung kelayakan pemohon yang tidak lagi memenuhi syarat untuk menduduki PPR. Walau bagaimanapun, terdapat rayuan penyewa memaklumkan kenaikan kadar pendapatan mereka yang tidak ketara sekitar di bawah RM3,500.00 sebulan disamping mempunyai tanggungan bilangan anak yang ramai. LPHS dan PHSSB berpendapat kelayakan pendapatan RM3,000.00 sebulan perlu dikaji semula berdasarkan perubahan masa dan keperluan semasa dengan mengambil kira kos sara hidup semasa yang semakin meningkat.

Susulan daripada itu, Kerajaan Negeri melalui LPHS telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik dasar PPR sedia ada dengan mengangkat Kertas Pertimbangan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-4/2025 pada 6 Februari 2025 yang mana telah bersetuju dengan cadangan untuk menaikkan kadar kelayakan pendapatan isi rumah daripada RM3,000.00 sebulan **kepada RM5,000.00 sebulan.**

Justifikasi ini dilaksanakan selaras dengan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 2022 dengan had pendapatan B40 mencapai sehingga RM5,249.00 sebulan di Negeri Selangor. Manakala di peringkat Kerajaan Persekutuan, **Mesyuarat Jemaah Menteri** pada 13 April 2022 telah meluluskan kenaikan kadar kelayakan maksima pendapatan isi rumah pemohon (termasuk pasangan) untuk PPR daripada RM3,000.00 sebulan kepada **RM5,000.00 sebulan**.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, LPHS dan PHSSB komited untuk tindakan penguatkuasaan dan pengemaskinian maklumat pemohon dari masa ke semasa bagi memastikan penyewa yang menduduki PPR adalah golongan sasar yang berkeelayakan.

